

24.7.2020

## SIARAN MEDIA

### **SALURAN PEMBAYARAN TANPA KONTAK MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN JOMPAY UNTUK MANFAAT PELANGGAN PBAPP KETIKA PANDEMIK COVID-19**

- **Dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019, sebanyak RM69 juta dikutip melalui JomPAY, dan dari 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020, RM50 juta dikutip melalui saluran pembayaran dalam talian sama.**

PULAU PINANG, Jumaat, 24.7.2020: Pelanggan-pelanggan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memanfaatkan sepenuhnya kemudahan JomPAY sejak diperkenalkan sebagai satu daripada saluran pembayaran pada Januari 2019.

Kemudahan ini memberi manfaat kepada 631,250 pengguna air berdaftar dengan akses perbankan dalam talian di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata 'JomPAY' adalah satu cara bagi pelanggan PBAPP untuk membuat pembayaran bil air mereka "tanpa kontak" tanpa sebarang caj, di mana sahaja mereka berada dan ia boleh didapati melalui Internet dan Perbankan Mudah Alih.

Beliau berkata, pembayaran melalui perbankan dalam talian JomPAY adalah saluran pembayaran utama PBAPP untuk "pembayaran tanpa kontak" ketika pandemik Covid-19 ini.

"Bagi menggalakkan lebih ramai pelanggan PBAPP menggunakan JomPAY, PBAPP bersama-sama dengan Pembayaran Network Malaysia Sdn Bhd (Paynet); pengendali JomPAY dan bank utama JomPAY PBAPP, CIMB Bank melancarkan Kempen JomPAY & Win pada Januari 2020," tambah beliau.

Dato' Ir. Jaseni hari ini menyampaikan 9 Hadiah Utama kempen "PBAPP JomPAY & Win". Pemenang hadiah pertama menerima iPad manakala

lapan pemenang lagi masing-masing membawa pulang Apple Watch.

Tempoh kempen adalah dari 1 Januari 2020 hingga 30 April 2020. Untuk melayakkan diri dalam kempen ini, pelanggan-pelanggan PBAPP perlu memenuhi beberapa syarat:

- Pelanggan perlu menyimpan Kod Pengebil PBA: 50385 dan akaun air sebagai “favourite”.
- Pelanggan perlu “memasukkan” alamat email mereka, yang wajib diisi di ruangan *Reference 2* (Ref-2).
- Pelanggan kemudiannya membuat pembayaran untuk bil air PBAPP melalui JomPAY.

Pemenang Hadiah Utama dipilih oleh sistem Paynet. 100 pelanggan dipilih secara rawak dan masing-masing menerima emel untuk mereka menjawab dua (2) soalan mudah. Pelanggan pertama dengan jawapan yang betul adalah pemenang hadiah pertama dan sembilan (9) berikutnya memenangi hadiah kedua hingga ke-10.

Selain hadiah utama, terdapat juga hadiah istimewa yang akan dimenangi untuk pelanggan yang datang ke 9 Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP. Pelanggan perlu mendaftar dan menukar mod pembayaran mereka daripada pembayaran tunai biasa di kaunter PBA kepada JomPAY. Mereka hanya perlu menunjukkan bukti pembayaran mereka kepada kakitangan kaunter kami. Hadiah-hadiah masih tersedia, sementara stok masih ada.

Selain itu, pelanggan-pelanggan boleh membuat pembayaran melalui aplikasi MyPBA, Pos Malaysia, kiosk-kiosk *Paylink*, ATM dan agensi kutipan yang dilantik seperti *Happy Mart*.

-end-

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komuniikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

**PBAPP JomPAY & Menang Campaign****WINNER LISTING**

<b>No.</b>	<b>NAME</b>	<b>REMARKS</b>
1	<b>MOHAMAD RADZI BIN MAT ISA</b>	<b>GRAND PRIZE</b> Seng Heng Voucher RM5,000
2	LOW KHEE LAM	Apple Watch
3	LEE SIM LA	Apple Watch
4	CH'NG YEW HOE	Apple Watch
5	ANBALAGAAN A/L KASINATHAN	Apple Watch
6	TEOH BOON CHONG	Apple Watch
7	MOHAMAD ZAIDI BIN ZAKARIA	Apple Watch
8	AINAL MUAIZZAH ANUAR	Apple Watch
9	TAN CHUEN KHENG	Apple Watch